

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. DATUK JOSEPH SALANG ANAK GANDUM  
(JULAU)**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 30.10.2014**

**Y.B. DATUK JOSEPH SALANG ANAK GANDUM [ JULAU ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan adakah Kerajaan bersedia menghapuskan sistem pembidaan tertutup terhadap mana-mana projek di bawah "Design & Build" seperti jalan, jambatan dan lain-lain.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, Kerajaan sentiasa menekankan supaya semua perolehan Kerajaan dilaksanakan secara

tender bagi meningkatkan tahap ketelusan dalam proses perolehan dan memperkukuh daya saing serta bina upaya syarikat tempatan. Perolehan secara tender boleh dilaksanakan secara tender terbuka, tender pra kelayakan dan tender terhad.

Bagi projek yang dipelawa secara tender terhad, Kementerian/Badan Berkanun dibenarkan untuk melaksanakan perolehan tersebut bagi projek-projek yang memerlukan kepakaran bernilai tidak melebihi RM10 juta selaras dengan ketetapan di dalam 1PP /PK2/2013/Perenggan 10 mengenai Had Nilai, Kuasa Dan Tanggungjawab Lembaga Perolehan Agensi.

Melalui kaedah perolehan secara tender terhad ini, elemen persaingan masih dikekalkan di mana tawaran para petender akan melalui proses penilaian yang sama seperti tender terbuka bagi memastikan tawaran terbaik dan paling menguntungkan dipilih. Antara kriteria yang ditentukan ialah keupayaan syarikat, prestasi/trek rekod, kedudukan kewangan, beban kerja semasa syarikat (*order book*) serta lain-lain kriteria yang bersesuaian.